

Ulaskan Berita: Demokrasi Diukur Daripada Pilihan Raya Bukannya Demonstrasi Jalanan Bernama
August 03, 2011
Oleh Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Walaupun demonstrasi jalanan Bersih 2.0 di sini telah berlangsung tiga minggu lepas, dunia siber masih dipenuhi perbincangan tentang apa yang sepatut dan tidak patut dilakukan.

Ada pihak berkata perarakan itu, yang dianggap oleh pihak berkuasa sebagai haram, berjalan dengan aman manakala satu pihak lagi berkata, penunjuk perasaan itu "tidaklah sebersih manapun".

Sudah menjadi kebiasaan, pengkritik akan membidas pihak berkuasa yang kononnya menggunakan taktik kasar terhadap penunjuk perasaan.

Ramai pengulas, sama ada yang terkenal atau tidak, mempersoalkan kenapa kerajaan bimbang sangat tentang demonstrasi itu sedangkan ianya dilihat sebagai satu bentuk kebebasan bersuara.

Penganjurnya berkata perarakan itu diadakan secara aman sama seperti perarakan membawa lilin di Hong Kong bagi memperingati demonstrasi Tiananmen oleh para pelajar.

Namun, adakah perhimpunan 9 Julai lepas di sini itu sesuatu yang aman? Sebenarnya tidak, kerana Malaysia bukanlah Hong Kong.

Agak sukar untuk diterima kenapa penganjur perarakan itu sanggup mendedahkan pengikut mereka kepada pelbagai kesulitan, semata-mata kononnya atas nama demokrasi yang lebih tulen.

Timbul kemusykilan kenapa penganjur perhimpunan itu tidak menyerahkan tuntutan lapan perkara mereka kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin ketika diberi peluang menghadap Baginda beberapa hari sebelum 9 Julai.

Kenapa berkeras mahu mengadakan demonstrasi jalanan jika mereka sudah berpeluang menjelaskan kepada Seri Paduka Baginda kemahuan mereka untuk memperjuangkan perubahan dalam sistem pilihan raya dan kemajuan dalam proses demokrasi?

Malahan, Yang di-Pertuan Agong telah menasihatkan bahawa demonstrasi jalanan membawa lebih banyak keburukan daripada kebaikan walaupun niat asal untuk membawa perubahan kepada sistem pilihan raya adalah baik.

Walaupun pihak berkuasa tidak membenarkan Stadium Merdeka digunakan sebagai tempat mengadakan perhimpunan Bersih 2.0, penganjur tetap mahu ia diadakan di situ tanpa menghiraukan soal keselamatan.

Mereka lupa bahawa stadium itu terletak di kawasan sesak, selain berdekatan dengan satu tempat di mana kemarahan wujud 42 tahun lepas semasa perarakan jenazah seorang anggota Parti Buruh, yang membawa kepada tercetusnya kekecohan pada Mei

1969.

Seorang bekas pegawai kanan polis yang pernah berdepan dengan keganasan komunis dan rusuhan 13 Mei berkata, mujurlah tidak ada apa-apa perkara buruk yang berlaku pada 9 Julai selain hanya kesan daripada gas pemedih mata.

"Jika ada sedikit sahaja provokasi, tentunya keadaan menjadi kacau," katanya.

Penganjur mungkin mempunyai niat baik tetapi mampukah mereka mengawal kumpulan pengacau yang mahu mencetuskan huru-hara?

Perhimpunan 9 Julai itu adalah resipi untuk menimbulkan kekacauan jika tidak ditangani dengan berkesan oleh pihak berkuasa. Rakyat harus bersyukur kerana hari itu berlalu tanpa kejadian tidak diinginkan.

Kerajaan telahpun menyatakan komitmennya untuk menambah baik sistem pilihan raya termasuk menangani isu "pengundi hantu" dengan memperkenalkan sistem pengenalan biometrik.

Tidak ada sebab untuk sesiapa meragui jaminan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengenai perkara ini kerana ia selaras dengan transformasi yang mahu dibawanya dalam pentadbiran beliau.

Bagi mereka yang menghargai demokrasi, kayu pengukurnya adalah melalui pilihan raya, bukannya keganasan atau kekecohan di perhimpunan jalanan yang haram.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=605709>